

**KONSEP TAKDIR DALAM TEKS SULALATUS SALATIN MELALUI
PERANAN PENGARANG ISTANA
FATE CONCEPT IN THE TEXT OF SULALATUS SALATIN BASED ON
THE ROLE OF CASTLE'S AUTHOR**

Nor Anita Binti Mat Isa

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
noranita_ss@yahoo.com

ABSTRAK

Teks *Sulalatus Salatin* jelas sekali merupakan satu dokumentasi budaya dalam bentuk sastera sejarah yang sarat dengan pelbagai peristiwa takdir sejak zaman pra-Melaka sehinggalah kewujudan Melaka sebagai sebuah negara Islam. Objektif utama makalah ini adalah untuk mengenal pasti definisi konsep takdir dari sudut agama dan sudut bahasa. Manakala objektif kedua, ialah menjelaskan jenis-jenis takdir dan contoh-contoh peristiwa dalam konteks penulisan *Sulalatus Salatin*. Kepelbagaian takdir yang berlaku sama ada baik atau buruk terhadap sesebuah masyarakat Melayu tradisi telah memberi kesempatan kepada pengarang istana untuk menyampaikan tarbiah, dan ibrah kepada masyarakatnya. Metodologi kajian menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks secara deskriptif. Melalui kajian ini, ternyata kebanyakan peristiwa takdir yang terkandung dalam teks *Sulalatus Salatin* ini mempunyai hubungan rapat dengan pendekatan keagamaan dan ketakmilahan yang menggesa umatnya melakukan kebaikan dan mencegah kemungkarannya dalam memastikan kemakmuran sesebuah negara itu. Kebijaksanaan pengarang istana dalam mengolah penceritaan teks *Sulalatus Salatin* jelas meninggalkan impak positif kepada penyelidikan ini

kerana khalayak dapat membuat tafsiran sendiri sama ada konsep takdir yang berlaku dalam teks sastera sejarah ini dikawal oleh pemerintah atau Tuhan Pencipta sekalian alam (Allah s.w.t).

Kata Kunci: *Sulatus Salatin*, Sastera Sejarah, Takdir, Pengarang Istana, Tarbiah dan Ibrah

ABSTRACT

The Sulalatus Salatin text is clearly a cultural documentation, a historical literature chock-full with events since before the time of Melaka until its existence as an Islamic nation. The main objective of this literature is to ascertain the concept of fate and its definition from the lingual and spiritual points of view. The second is to explain the types of fate and events of example in the context of Sulalatus Salatin. The diversity of fate as it happened to the Malay community whether good or otherwise had given the royal scribe an opportunity to educate and expend its lessons to society. The research methodology used the library research method and descriptive textual analysis. Through this research, it is clear that there is a close relationship between events of fate and spiritual approach that urges the people to enjoin in what is good and prevent what is not, in ensuring the continuous prosperity of a country. The wisdom of the royal scribe in composing the stories in Sulalatus Salatin clearly left a positive impact on this research because the reader can make his own interpretation if the concept of fate as described in the text is controlled by the ruler or God Almighty.

Keyword: Sulatus Salatin, Historical Arts, Fate, Author of the Castle, Educate and Lessons

PENGENALAN

Apabila membicarakan konsep takdir, masyarakat Melayu khususnya yang beragama Islam perlu berpegang pada rukun iman yang keenam iaitu kepercayaan kepada qada dan qadar. Al-Quran menegaskan bahawa manusia yang pertama (Adam a.s) dijadikan dari tanah dalam bentuk yang sudahpun sempurna oleh Allah s.w.t.

Abdul Rahman Hj. Abdullah (2006:13) ada mengatakan bahawa dari segi rohani, manusia pertama itu sudah diberikan kebolehan untuk mengetahui setiap nama benda di alam semesta, sehingga dikagumi oleh para malaikat sendiri (Surah *al-Baqarah*: 31-33). Bukan itu sahaja, Allah mencipta perjalanan hidup manusia itu dengan pelbagai kisah dan takdir dengan tujuan untuk melihat amal kebajikan dan kemunggaran yang dilakukan. Firman Allah,

Tuhan yang telah menjadikan hidup dan mati kerana Ia hendak menguji, mencuba kamu – siapakah daripada kamu yang terlebih baik kerjanya.

(Surah *al-Mulk*: 2)

Walau bagaimanapun dalam konteks penyelidikan ini, perlu difahami bahawa bangsa Melayu dalam karya kesusasteraan Melayu klasik melalui tiga fasa kepercayaan keagamaan, iaitu bermula dengan animisme, Hindu-Budha dan Islam. Oleh itu, karya sastera klasik mengalami proses sintesis yang memperlihatkan timbal balik pengaruh Hindu-Islam. Kedatangan Islam ke Nusantara sejak kurun ke-13 Masihi, tidak menghapuskan budaya Hindu sepenuhnya namun telah mencorakkan satu bentuk sistem kepercayaan dan kebudayaan baharu dalam kalangan masyarakat Islam sebagai agama yang menyeluruh. Konsep takdir merupakan salah satu aspek penting dalam disiplin sejarah, falsafah, dan agama. Oleh itu, dalam menganalisis teks sastera sejarah ini penyelidik akan membincangkan konsep takdir dengan melihat peristiwa takdir baik dan buruk itu menerusi fenomena serta perubahan-perubahan yang berlaku dalam kehidupan serta punca-puncanya menerusi pandangan pengarang istana.

Konsep Takdir Dari Sudut Bahasa dan Agama

Menurut Ali Ahmad (2002:60) takdir selalunya diertikan secara umum sebagai nasib baik atau buruk, walaupun lazimnya cenderung diberi konotasi nasib yang buruk. Konsep takdir dalam karya sastera lebih menjurus kepada rukun sebab dan akibat tetapi

bukanlah faktor mutlak yang membantu seseorang itu untuk mencapai matlamatnya. Hal ini dikatakan demikian kerana penentuan faktor mutlak ini sudah ditentukan oleh satu tenaga ghaib di luar kuasa manusia, sama ada semangat, Dewata Mulia Raya, Allah s.w.t dan sebagainya mengikut kepercayaan agama masing-masing.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010:1575), mendefinisikan takdir sebagai takdirullah sesuatu yang ditentukan oleh Allah terlebih dahulu. Definisi ini turut diperakui oleh Harun Yahya (2004: 86) yang menjelaskan bahawa konsep takdir ialah pengetahuan sempurna Allah s.w.t mengenai segala kejadian silam atau masa hadapan. Walaupun terdapat sebahagian manusia mempersoalkan sebab-sebab Allah mengetahui peristiwa-peristiwa yang belum berlaku, namun sebagai umat Islam yang kukuh akidahnya harus memahami kebenaran takdir itu melalui konsep Qada dan Qadar.

Ahmad Su'udi (2011:3) mengatakan bahawa takdir merupakan aspek dalam akidah kerana merupakan sebahagian dari iman atau keyakinan terhadap dua komponen penting iaitu qada dan qadar. Qada adalah kehendak Allah s.w.t sebelum kejadian, sedangkan qadar adalah kehendak Allah setelah kejadian. Secara spesifiknya, qada ada dua, iaitu *qada mubram* dan *qada mu'allaq*.

Berdasarkan pandangan-pandangan tentang definisi takdir yang dikemukakan, dapatlah dirumuskan bahawa takdir yang berlaku terletak atas kekuasaan Allah. Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud bahawa Islam mengajar penganutnya kepada penyerahan diri secara membuta tuli. Hal ini dikatakan demikian kerana Allah berhak menentukan hasil ikhtiar manusia, sedangkan manusia itu diwajibkan untuk menyempurnakan ikhtiar dan doa menerusi peluang-peluang yang ada untuk mendapat rahmat dan keredaan Allah.

Dalam penyelidikan sastera sejarah ini, pengarang istana turut memainkan peranan dalam mencorakkan setiap takdir yang berlaku melalui peristiwa-peristiwa yang dicitrakan. Penelitian yang lebih mendalam tentang konsep takdir lebih menjurus kepada persoalan-persoalan kehidupan yang memerlukan usaha untuk

mencapai sesuatu matlamat. Memandangkan sesebuah karya sastera itu lahir daripada pemikiran pengarang, maka takdir itu haruslah ditinjau daripada peranan pengarang itu sendiri dan unsur-unsur yang wujud dalam plot yang dihasilkan kerana ada ketentuan sebab dan akibat yang telah dilakukan oleh Allah s.w.t agar manusia dapat menjadikan setiap peristiwa yang berlaku itu sebagai iktibar pada masa akan datang.

Jenis-jenis Takdir dan Contoh-Contoh Peristiwa Dalam Teks *Sulalatus Salatin*

Allah telah menetapkan takdir terhadap semua hamba-hamba-Nya sejak azali lagi. Takdir yang ditetapkan ini tidak boleh diubah-ubah melainkan dengan doa. Atas sebab itulah kepercayaan kepada takdir seseorang itu juga dihubungkan dengan konsep reda yang seharusnya ditanam dalam diri setiap umat Islam bagi menggambarkan kekuatan akidah dan keimanannya. Mengikut pandangan ahli sunnah wa al Jamaah terdapat dua jenis takdir dalam Islam iaitu *takdir mubram* dan *takdir mu'allaq*. Kedua-dua jenis takdir ini dianalisis berdasarkan sumber *Sulalatus Salatin*.

Takdir Mubram

Takdir *mubram* bermaksud sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t dan tidak berubah. Takdir ini merupakan takdir yang muktamad dan sudah tertulis di Loh Mahfuz. Jadi takdir *mubram* tidak akan berlaku apa-apa pengurangan, penambahan atau perubahan kepada takdir ini kerana sudah ditentukan oleh Allah s.w.t yang pastinya akan berlaku dan tidak dapat dihalang oleh apa-apa pun. Contohnya, seperti kelahiran atau kematian, jantina, kejadian siang dan malam. Berdasarkan pemahaman ini, maka terdapat beberapa peristiwa dalam teks *Sulalatus Salatin* yang dapat dikaitkan dengan takdir mubram.

Asal Usul Kejadian Manusia

Dalam bahagian mukadimah teks ini, pengarang istana ada menyatakan kesyukurannya dan puji-pujiannya kepada Allah s.w.t tuhan sekalian alam yang Maha Abadi yang telah menciptakan Nabi Adam a.s sebagai tanda kebesaran-Nya dalam mencipta manusia pertama yang paling sempurna dari segi akal dan fikiran. Bermula dengan peristiwa kekhilafan nabi Adam a.s yang melanggar perintah-Nya telah menyebabkan beliau dikeluarkan dari syurga, namun ada hikmah yang tersembunyi yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t untuk mengangkat martabatnya sebagai khalifah di bumi. Takdir yang menimpa nabi Adam a.s jelas digambarkan dalam petikan berikut:

Dan dikeluarkan-Nya ia dari dalam syurga, adalah dalamnya hikmat-Nya, dan dianugerahi-Nya akan dia martabat yang tinggi, maka jadilah ia akan khalifah-Nya di bumi,...

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 1)

Menerusi peristiwa tersebut, bermulalah tanggungjawab seorang khalifah yang diamanahkan untuk mengajarkan tauhid kepada anak cucunya. Situasi inilah yang menjadi pegangan asas bagi seorang Muslim tentang hakikat kejadian manusia pertama iaitu Adam a.s. Rentetan daripada itu, berlakulah penyelewengan dan penyimpangan akidah yang dimulakan oleh puteranya sendiri iaitu Qabil. Oleh yang demikian, tidak hairanlah hampir keseluruhan cerita-cerita rakyat termasuklah teks kanon seperti *Sulalatus Salatin* ini turut memasukkan peristiwa takdir yang masih bercampur aduk dengan pengaruh kepercayaan Hinduisme. Pengaruh budaya Hinduisme yang sudah lama bertapak sejak zaman Melayu tradisi ternyata sukar ditinggalkan oleh masyarakat Melayu tradisi pada ketika itu walaupun hakikatnya keagungan agama Islam sudah tertulis dalam Al-Quran sekian lamanya. Walau bagaimanapun, setiap peristiwa yang berlaku itu adalah

perancangan Allah s.w.t yang sebaik-baiknya kerana sesungguhnya Dia yang lebih mengetahui tentang sesuatu kejadian.

Kelahiran Keturunan Raja-Raja Melayu

Asal usul keturunan raja-raja Melayu dikatakan berasal dari keturunan Raja Iskandar Zulkarnain. Baginda turut dikenali sebagai raja Rom kerana terdapat banyak catatan sejarah yang merujuk kepada baginda sebagai asal bermulanya keturunan raja-raja Melayu ini. Sebagai contoh, antara sumber bertulis yang mencatatkan nama baginda sebagai keturunan raja-raja Melayu ialah Al-Quran (*Surah Al-Kahfi: 83-101*), *Manuskrip Undang-Undang Kedah*, dan teks *Sulalatus Salatin*.

Merujuk teks *Sulalatus Salatin*, setelah Raja Iskandar Zulkarnain menyerang Benua Keling baginda telah berkahwin dengan Puteri Sharul Bariyah iaitu puteri kepada Raja Kida Hindi. Selepas sebelas hari perkahwinan tersebut baginda dikatakan telah membawa permaisurinya menuju ke negeri matahari terbit dari Benua Keling dan sudah tentulah negeri yang dimaksudkan merupakan Benua China. Peristiwa penjelajahan Raja Iskandar Zulkarnain jelas digambarkan dalam petikan berikut:

Kemudian dari itu, maka berhentilah Raja Iskandar dikenakan sepuluh hari, setelah datang kepada sebelas harinya, maka berangkatlah Raja Iskandar seperti adat dahulukala, dan tuan puteri anak Raja Kida Hindi pun dibawa baginda, maka baginda pun berjalanlah, lalu ke matahari hidup, seperti yang tersebut dalam hikayatnya yang masyhur itu.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 7)

Kehebatan Raja Iskandar Zulkarnain memang tidak disangkal lagi dalam sejarah dunia sehingga digelar *Iskandar the Great*. Rentetan penjelajahan Raja Iskandar maka bermulalah susur galur zuriat keturunan yang masyhur dari Raja Suran sehinggalah zaman

kegemilangan Melaka. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan kemunculan Melaka sebagai negara yang berdaulat dan bermartabat tinggi mengatasi segala kerajaan di sekitarnya walaupun pernah menerima ancaman negatif dari negara-negara berhampiran seperti Siam dan Majapahit.

Gambaran kehebatan pemerintahan raja-raja Melayu semakin terserlah apabila pengarang istana turut menekankan aspek daulat dan tulah bagi mengukuhkan kedudukan raja-raja yang memerintah. Menurut Za'ba (1964: 333), tanggungjawab seorang pengarang istana adalah untuk meninggikan lagi darjat raja-raja berkenaan melalui cerita-cerita sastera sejarah yang dikarang atau disalin semula. Tindakan ini lebih merupakan satu bentuk tanggungjawab seorang pengarang atau penyalin istana itu dalam merealisasikan tugas yang dititahkan raja pada zaman dahulu sebagai garis panduan dan iktibar untuk tatapan generasi akan datang.

Usia dan Ajal Seseorang

Kematian setiap individu itu telah Allah tetapkan sejak di Loh Mahfuz lagi. Kematian adalah sesuatu yang pasti kerana apabila tiba masanya, maka tercabutlah nyawa seseorang itu tanpa sesaat pun kurang. Mati itu pasti, namun cara mati seseorang individu itu mungkin berbeza. Penerimaan seseorang umat Islam terhadap kematian juga merupakan persoalan keimanan dan kepercayaan terhadap qada dan qadar Allah s.w.t yang turut diketengahkan oleh pengarang istana dalam teks ini.

Terdapat pelbagai cara dan bentuk kematian yang digunakan oleh pengarang istana untuk mengatur penceritaan teks sastera sejarah ini. Kreativiti pengarang istana mencitrakan kematian Telanai Terengganu jelas terdapat dalam episod *Gema Pembunuhan Telanai Terengganu* dan *Membunuh Tanpa Memberitahu ke Melaka*. Kunjungan Raja Maluku dan Telanai Terengganu ke Melaka tanpa pengetahuan Sultan Muhammad (Raja Pahang) telah mencetuskan kemurkaan baginda. Sultan Muhammad telah mengarahkan Seri Akar Raja untuk membunuh

Tun Telanai di Terengganu. Akan tetapi, perbuatan Sultan Muhammad telah ditegur oleh Bendahara Pahang seperti berikut:

Maka sembah Bendaara Pahang pada Sultan Muhammad, “Salah pekerjaan kita membunuh Telanai ini; tiada dapat tiada marah paduka adinda di Melaka.”

(*Sulalatus Salatin*, 2014:181)

Walau bagaimanapun, disebabkan perasaan iri hati kerana baginda tidak dilantik sebagai Sultan Melaka, maka Sultan Muhammad berasa baginda berhak untuk menyerang Melaka. Peristiwa pembunuhan Telanai Terengganu telah diketahui oleh Sultan Alau’-d-Din dan menimbulkan kemurkaan baginda. Laksamana telah dititahkan ke Pahang untuk menyelesaikan kekusutan tersebut dan apabila laksamana tiba di sana, Sultan Muhammad berdalih mengatakan bahawa Telanai Terengganu berlaku biadap dengan mengatakan negeri Melaka berada di bawah naungannya. Hakikatnya, yang cuba dinyatakan dalam perbincangan ini ialah kematian Telanai Terengganu sebenarnya berpunca daripada sifat cemburu Sultan Muhammad kepada saudaranya sendiri iaitu Sultan Alau’-d-Din kerana tidak dilantik sebagai pewaris Sultan Melaka.

Peristiwa seterusnya dapat dilihat menerusi episod *Peristiwa Pembunuhan Tun Ali Sandang*. Dalam episod ini, dikatakan bahawa niat Sultan Mahmud menggoda Tun Dewi terganggu kerana baginda mendapati Tun Ali Sandang turut berada di tempat tersebut. Ekoran daripada itu, baginda telah mengupah Tun Isap untuk membunuh Tun Ali Sandang. Perbuatan tersebut telah mengundang kemarahan Seri Wak Raja (saudara Tun Ali Sandang) dan beliau mahu membunuh Tun Isap. Bagi mengelakkan Tun Isap dibunuh, Sultan Mahmud menyuruh Tun Isap melarikan diri. Walau bagaimanapun, apabila Tun Isap kembali ke Melaka, dia telah dibunuh oleh Seri Wak Raja. Jadi, berdasarkan peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa setiap kematian itu adalah pasti kerana

sejauh mana seseorang individu itu membawa diri apabila tiba waktunya maka maut pasti menjemput sebagaimana firman Allah s.w.t:

...Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakannya esok. Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi mana ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

(Surah *Luqman*: 34)

Begitu juga dengan episod *Sultan Mahmud, Sultan Ahmad Berlepas Diri*, yang menggambarkan sikap Sultan Ahmad yang tidak menghormati para pembesar sehingga perlakuan tersebut diketahui oleh ayahandanya, Sultan Mahmud Syah. Perkara ini dapat dicitrakan melalui petikan berikut:

Maka segala kelakuan itu kedengaran kepada Sultan Mahmud Syah; maka tiadalah berkenan pada baginda akan af al anakanda baginda itu membuang akmal raja-raja, maka disuruh baginda kerjakan dalam senyap; seperti firman Allah Taala: "*Iza ja'a ajaluhum la yasta' khiruna sa'atan, wala yastaq dimuna,*" yakni apabila datang ajal mereka itu, tiada terkemudian seketika, dan tiada terdahulu seketika jua pun. Maka Sultan Ahmad pun mangkatlah, ditanamkan di Bukit Batu; itulah disebut orang 'Marhum di Bukit Batu.'

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 271)

Kecewa dengan sikap anakandanya, Sultan Mahmud mengarahkan agar Sultan Ahmad dibunuh dan tempatnya digantikan oleh Raja Muzaffar. Tegasnya, dalam teks ini faktor yang menjadi kematian seseorang individu itu adalah disebabkan oleh pembunuhan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengarang istana mengungkapkan soal kematian yang berlaku dalam realiti kehidupan masyarakat

adalah sesuatu yang pasti, kerana usia muda atau tua, sakit atau sihat bukanlah faktor penentu seseorang itu untuk mati waima dilindungi oleh individu-individu yang berpengaruh kerana ajal maut adalah rahsia Allah s.w.t yang Maha Mengetahui.

Takdir Mu'allaq

Takdir *mu'allaq* pula bermaksud ketentuan Allah s.w.t terhadap sesuatu bersesuaian dengan usaha dan ikhtiar manusia. Umumnya, *Mu'allaq* bererti tergantung iaitu ketentuan yang tidak semestinya berlaku bahkan bergantung kepada sesuatu perkara. Takdir *mu'allaq* boleh tetap dan boleh berubah dengan kehendak Allah s.w.t, bergantung kepada sebab-sebab yang telah diusahakan oleh manusia. Oleh itu, tidak mustahil sesuatu takdir yang berlaku itu ada mungkin ada membawa kebaikan ataupun musibah. Takdir baik seperti kejayaan manusia bergantung kepada usaha namun hasilnya tidak dapat diketahui sebelum ia berlaku. Begitu juga takdir buruk yang berlaku adalah disebabkan Allah s.w.t mahu menguji umat Islam atas sebab-sebab yang berbeza. Menurut Pahrol Mohamad Juoi (2008: 315-319), ujian Allah s.w.t ini bertujuan untuk melihat kemuliaan atau kehinaan seseorang itu melalui kifarrah, bala atau ibtila'. Walau bagaimanapun, takdir *mu'allaq* masih dalam ketetapan Allah iaitu kadar atau batas tertentu dalam diri, sifat, atau kemampuan maksimum makhluk yang telah ditetapkan Allah s.w.t sebagaimana firman Allah s.w.t:

Allah menghapuskan apa yang Dia kehendaki, dan menetapkan (apa yang Dia kehendaki), dan di sisi-Nyalah terdapat Ummal-Kitab

(Surah *ar-Ra'd*: 39)

Takdir Baik: Kekayaan

Allah s.w.t memberikan rezeki kepada seluruh makhluk-Nya tanpa kecuali. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak ada satu pun makhluk yang hidup di alam semesta ini, kecuali rezekinya

ditentukan oleh Allah s.w.t. Kekayaan Wan Empuk dan Wan Malini juga sudah ditentukan takdir Allah s.w.t. Peristiwa turunnya ketiga-tiga anak Raja Suran di Bukit Si Guntang secara langsung telah mengubah nasib Wan Empuk dan Wan Malini sebagai petani. Gambaran ini jelas dinyatakan seperti berikut:

Dengan takdir Allah Subhanahu wa taala Yang Maha Kuasa maka teruslah ke Bukit Si Guntang itu waktu malam. Maka kepada malam itu dipandang oleh Wan Empuk dan Wan Malini dari rumahnya, di atas Bukit Si Guntang itu bernyala seperti api.

(Sulalatus Salatin, 2014: 20)

Bukan itu sahaja, kesanggupan Wan Empuk dan Wan Malini untuk membawa pulang Nila Pahlawan, Krisyna Pandita, dan Nila Utama ke rumah dan memelihara ketiga-tiga putera raja tersebut telah mendapat balasan baik daripada Allah s.w.t. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Maka, ketiga baginda bersaudara pun duduklah dipeliharakan oleh Wan Empuk dan Wan Malini; padinya pun dituailah. Maka Wan Empuk dan Wan Malini pun kayalah dengan sebab mendapat anak raja itu.

(Sulalatus Salatin, 2014: 22)

Demikianlah juga kisah yang berlaku terhadap Merah Silu yang menahan lukah tetapi lukahnya sering dimasuki cacing gelang-gelang. Walaupun beberapa kali lukah ditahannya, cacing gelang-gelang masih memenuhi lukah sehinggalah baginda mengambil tindakan dengan merebus cacing tersebut. Hal ini jelas digambarkan menerusi petikan tersebut:

Setelah berapa ditahannya lukahnya itu demikian juga, maka oleh Merah Silu gelang-gelang itu direbusnya,

maka gelang-gelang itu menjadi emas dan buihnya menjadi perak ...maka banyaklah Merah Silu beroleh emas.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 55)

Kekayaan Merah Silu menimbulkan kemarahan Merah Caga serta dia berhasrat untuk membunuh adiknya, Merah Silu. Bagi mengelakkan masalah yang lebih besar, Merah Silu melarikan diri ke Rimba Jerlun dan masyarakat di situ telah dikurniakan kekayaan sehingga mereka mematuhi segala kehendak Merah Silu. Begitu juga peristiwa yang berlaku ketika Merah Silu pergi berburu, secara tiba-tiba anjing Si Pasai menyalak apabila melihat seekor semut besar seperti kucing. Peristiwa tersebut telah menarik perhatian Merah Silu lantas dibukakan tempat baharu yang diberi nama Semundra (*Sulalatus Salatin*, 2014: 55).

Secara umumnya, pengarang istana cuba mengetengahkan unsur alam yang lebih dekat dengan masyarakat Melayu tradisi seperti cacing gelang-gelang dan semut besar kerana lazimnya haiwan-haiwan tersebut membawa maksud tersirat iaitu pembawa rezeki. Begitu juga dengan emas, perak dan suasa yang menjadi lambang kemewahan sesebuah masyarakat Melayu tradisi ketika itu.

Menerusi beberapa peristiwa yang dibincangkan, dapatlah diambil ingatan bahawa dalam perhubungan antara manusia dengan manusia haruslah dititikberatkan persoalan ihsan sebagaimana firman-Nya:

Berbuat baiklah engkau (kepada orang) sebagaimana Allah Taala telah berbuat baik kepada engkau.

(*Surah al-Qasas: 77*)

Hal ini dikatakan demikian kerana memupuk perasaan ihsan sesama manusia amat diseru dalam Islam. Sikap bertolak ansur dan berpersi kemanusiaan merupakan sikap terpuji dalam membentuk sahsiah diri. Jadi, seseorang yang bersifat ihsan akan melakukan

kebaikan bukan kerana hendak mendapatkan balasan tetapi lebih kepada untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t

Kebijaksanaan

Bagi mengelakkan bertaklid buta, maka seseorang itu wajarlah mempunyai ilmu pengetahuan agar dapat membuat pertimbangan dalam menghadapi cabaran kehidupan. Seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan akan terus meneroka untuk membuat penilaian dan mencari pengalaman-pengalaman baharu. Za'ba (2016: xiv) ada mengatakan bahawa Quran diturunkan untuk membuka “pintu akal” dan “mata hati” manusia. Menurut beliau lagi, “mencelikkan akal” dan menggunakan “kebolehan berfikir” adalah sebesar-besar nikmat yang diberi oleh Tuhan. Individu yang berilmu merupakan orang yang menggunakan akal fikirannya secara bijaksana dan rasional.

Dalam *Sulalatus Salatin*, peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan akal dan fikiran watak dan perwatakan mempunyai fungsinya yang tertentu. Dalam soal kepimpinan seseorang raja atau pun pembesar haruslah mempunyai daya fikiran yang bijaksana untuk memimpin. Hal ini demikian kerana berfikir secara bijaksana dapat membantu seseorang individu itu merancang sesuatu dengan mudah dan tidak memudaratkan pihak lain. Misalnya, keinginan Raja Suran untuk meneroka dasar laut dapat diatasi apabila baginda mengemukakan idea untuk membuat sebuah peti kaca berkunci dan berpesawat dari dalam. Hasil daripada kebijaksanaan baginda berkomunikasi dengan tukang yang dikenali sebagai pandai dan utus, maka terhasil sebuah peti kaca yang memenuhi cita rasa baginda. Gambaran keindahan dasar laut yang diteroka oleh Raja Suran jelas disebut dalam petikan berikut:

Maka dihulurkan oranglah ke dalam laut, maka peti itu pun tenggelamlah maka Raja Suran pun terus melihat dari dalam peti itu, pelbagai kekayaan Allah subhanahu wa taala dipandang baginda, moga-moga

dengan takdir Yang Amat Kuasa, maka peti Raja Suran itu jatuh ke dalam bumi yang bernama Dika.

(Sulalatus Salatin, 2014: 14)

Susulan daripada peristiwa ini, Raja Suran telah bertemu dengan Raja Dika iaitu Raja Aktabu'l-Ard dan baginda berkenan untuk menjodohkan puterinya yang bernama Tuan Puteri Mahtabu'l-Bahri dengan Raja Suran. Bermula daripada peristiwa takdir meneroka dasar laut, perkahwinan Raja Suran dengan puteri Raja Dika sehinggalah kelahiran ketiga-tiga putera zuriat Raja Suran telah menjadikan plot teks ini lebih menarik.

Kebijaksanaan Raja Suran juga terserlah apabila baginda berfikir untuk membawa putera-puteranya ke luar dari dasar laut apabila besar kelak bagi membolehkan zuriatnya meneruskan legasi pemerintahan Iskandar Zulkarnain di dunia. Ketika itu ditakdirkan muncul raja jin Asmaghiah Peri dan Raja Suran pun membuat permintaan agar raja jin tersebut menyediakan kelengkapan makhota dan pakaian diraja sebagai bukti apabila untuk putera-puteranya turun ke dunia kelak. Perkara ini jelas dipaparkan dalam petikan:

...dengan takdir Allah Yang Empunya Iradat, sekonyong-konyong datanglah raja jin Asmaghiah Peri mengadap baginda. Setelah Raja Suran melihat raja jin itu, lalu dikenal baginda; maka titah baginda, "Apakah kerja tuan hamba ke mari?" Maka sembahnya "Sahaja hamba mengadap." Makabtintah Raja Suran, "Jika demikian hendaklah tuan hamba perbuatkan hamba, makhota tiga biji akan pakaian anak hamba, supaya ada tanda Raja Iskandar Zul-Karnain kepadanya."

(Sulalatus Salatin, 2014: 15)

Bermula daripada usaha penerokaan di dasar laut oleh Raja Suran telah membuka lembaran baharu dalam sistem

pemerintahan raja-raja Melayu dengan lahirnya zuriat keturunan Raja Iskandar Zulkarnain Syah.

Islam juga menuntut umatnya untuk mengubah nasib ke arah yang lebih baik dengan berusaha. Contohnya, menerusi episod "*Bersumpah Berteguh Janji*" pengarang istana telah menggunakan kebijaksanaannya untuk mengangkat martabat raja menerusi wa'ad. Walau bagaimanapun pada masa yang sama Tun Seri Lanang turut menjaga hak rakyat agar tidak dizalimi raja. Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2010: 1792) waad bermaksud janji. Hal ini terkandung dalam teks *Sulalatus Salatin* yang jelas merujuk kepada sesuatu perjanjian yang telah ditetapkan dan dipersetujui dengan rela hati oleh kedua-dua belah pihak. Punca berlakunya waad ini adalah disebabkan oleh permintaan Seri Teri Buana yang berkehendakkan puteri Demang Lebar Daun. Memandangkan kedua-dua pihak berlainan darjat dan keturunan, maka Demang Lebar Daun (mewakili golongan yang diperintah) telah membuat perjanjian dengan Seri Teri Buana (mewakili golongan pemerintah). Tambahan pula, Demang Lebar Daun bimbang puterinya terkena penyakit kedal serta menerima nasib yang sama seperti isteri-isteri baginda yang lain iaitu dihalau dari istana. Antara kandungan waad tersebut ialah:

...perjanjian patik mohonkan anugerah ke bawah Duli Yang Maha Mulia, segala hamba Melayu jikalau ada dosanya ke bawah duli, patik pohonkan jangan ia difadihatkan, dinista yang keji-keji, jikalau patut pada hukum syarak bunuh, tuanku; jangan duli tuanku aibi.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 25)

Manakala di pihak Seri Teri Buana juga turut membuat perjanjian bagi pihak pemerintah iaitu:

Maka titah Seri Teri Buana, "Hendaklah oleh segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat pekertinya, jangan segala hamba Melayu itu

derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga.”

(Sulalatus Salatin, 2014: 25)

Berdasarkan kedua-dua perjanjian ini jika dilihat secara tersurat kelihatan agak berat sebelah, namun atas kebijaksanaan Tun Seri Lanang, beliau cuba kelihatan adil dengan menyatakan syarat terakhir yang dikemukakan oleh Demang Lebar Daun iaitu:

Maka sembah Demang Lebar Daun, “Baiklah tuanku, tetapi jikalau anak cucu duli tuanku dahulu mengubah, anak patik pun berubahlah tuanku.”

(Sulalatus Salatin, 2014: 26)

Keadaan ini berlaku disebabkan Demang Lebar Daun juga berhak untuk menjaga maruah diri dan keluarganya. Tambahan pula, kedudukan beliau sebagai seorang individu yang berkedudukan dan dihormati dalam masyarakat maka wajarlah beliau bertindak sedemikian rupa sekaligus mewakili suara rakyat.

Menjaga maruah diri merupakan aspek yang dituntut dalam hukum syarak kerana maruah merupakan senjata diri utama bagi perlambangan hidup seseorang yang baik. Hal ini bermakna tidak ada sesiapa pun yang boleh melakukan sesuatu perbuatan kepada seseorang yang lain yang boleh menjatuhkan maruah diri individu itu walaupun individu itu lebih rendah status kehidupannya. Oleh yang demikian, dapat difahami dengan jelas bahawa tindakan Demang Lebar Daun adalah bertujuan menyedarkan Seri Teri Buana untuk menjadi seorang pemerintah yang adil dan baik. Perlakuan sifat ini perlu seimbang dengan keperibadian Seri Teri Buana sebagai seorang raja yang amat dihormati dalam masyarakat Melayu tradisi.

Selain itu, kebijaksanaan seseorang dalam menangani pelbagai permasalahan juga telah mengubah takdirnya untuk mendapatkan kedudukannya sebagai pembesar negeri. Sebagai

contoh, ketokohan dan kewibawaan Tun Perak telah terserlah sewaktu Melaka menghadapi ancaman serangan Siam.

...maka Tun Perak pun mudik ke Melaka membawa orang Kelang dengan segala anak bininya sekali. Maka orang kelang pun masuk mengadap raja, persembahkan segala perihal; demikian sembahnya: “Tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya mengadap dengan lelaki juga, akan patih sekaliannya dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan.”

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 89)

Pada ketika itu, Tun Perak hanya memegang jawatan sebagai penghulu di Kelang. Apabila mendengar Siam hendak menyerang Melaka, beliau telah mengarahkan orang-orang Melaka membawa anak isteri masing-masing semasa berperang dengan tujuan untuk menaikkan semangat orang-orang Melaka. Ternyata, pendekatan yang digunakan oleh beliau berhasil apabila Melaka telah memenangi peperangan berikut. Bukan itu sahaja, kebijaksanaan beliau menangkis fitnah daripada seorang Keling turut mendapat perhatian Sultan Muzaffar Syah sehingga beliau ditakdirkan untuk naik pangkat sebagai bendahara dengan gelaran Paduka Raja.

Ternyata ketiga-tiga contoh peristiwa yang dinyatakan jelas membuktikan bahawa takdir seseorang itu boleh berubah dengan usaha. Walaupun Tun Seri Lanang merupakan penulis istana, namun ada ketika beliau turut mewakili suara rakyat. Hal ini diakui oleh Umar Junus (1984: 138-141) yang mengatakan bahawa setiap penulis istana yang disuruh oleh raja mesti memuaskan kehendak raja dan hal ini ada dinyatakan dalam mukadimah *Sulalatus Salatin*. Akan tetapi dalam situasi tertentu sebagai seorang penulis istana tidak mungkin beliau akan mengikut kehendak raja begitu saja kerana beliau sudah tentu mempunyai interpretasi (tafsiran) berdasarkan kemampuan dirinya. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa sebagai pengarang istana, Tun Seri Lanang telah mengemukakan tafsirannya secara bijak dengan menggunakan

kritikan halus sehingga menyebabkan teks *Sulalatus Salatin* ini mudah diterima oleh kedua-dua pihak.

Kesihatan

Dikurniakan kesihatan yang baik merupakan satu anugerah yang tidak ternilai dalam kehidupan manusia. Memandangkan teks *Sulalatus Salatin* sarat dengan pelbagai peristiwa yang berhubung kait dengan konsep daulat sudah tentulah terdapat pelbagai keistimewaan yang dimiliki oleh seseorang raja. Tamsilnya, persoalan berhubung kesihatan ini dapat diserlahkan dalam episod "*Kedal Kerana Tulah?*". Sebaik sahaja tibanya Lak Di Po bersama-sama menteri yang menghantar Tuan Puteri Hang Liu ke benua China, maka persembahan raja Melaka itu pun diarak masuk ke istana. Raja China berasa terlalu gembira apabila mendengar raja Melaka berkirim sembah kepadanya itu. Akan tetapi tetapi perkhabaran tersebut telah membawa derita kepada raja China kerana baginda diserang dengan penyakit kedal.

Ada selang dua hari, dengan takdir Allah Taala maka raja China pun datanglah penyakit gatal semua tubuh baginda, lalu menjadi kedal.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 136)

Penyakit kedal merupakan sejenis penyakit kulit yang meninggalkan kesan bertelau-telau pada kulit yang menyebabkan pesakit menderita akibat kegatalan. Beratus-ratus tabib telah dipanggil untuk mengubati raja China namun tidak juga pulih sehinggalah seorang tabib tua menjelaskan bahawa penyakit tersebut berlaku kerana raja Melaka telah berkirim salam kepada baginda. Setelah mendengar cerita tabib tersebut, maka raja China pun menitahkan utusan ke Melaka untuk mendapatkan air basuhan kaki raja Melaka. Setelah raja China minum air basuhan kaki Sultan Muzaffar Syah, penyakit kedal tersebut sembuh. Oleh itu, jelaslah bahawa sesuatu penyakit itu ada penawarnya dan sebagai insan,

seseorang individu itu sewajar berusaha mencari penawar penyakit tersebut agar penyakit yang dihadapi dapat dirawat secepat mungkin.

Jodoh

Teks *Sulalatus Salatin* turut mengupas persoalan tentang jodoh menerusi episod “*Satu Cara Mengelakkan Pecah-belah.*” Setelah Tun Perak menjadi orang besar, rakyat Melaka berpecah kepada dua kelompok iaitu kelompok pertama berpihak kepada Tun Perak, manakala kelompok kedua berpihak kepada Seri Nara Diraja. Keadaan ini membimbangkan Sultan Muzaffar Syah kerana ia merupakan satu perkembangan tidak sihat dalam pentadbiran Melaka. Bagi mengelakkan senario ini berterusan, baginda mencari akal supaya kedua-dua pihak berdamai. Maka sultan pun memanggil Seri Nara Diraja mengadap dan menawarkan anak-anak pembesar untuk diperisterikan beliau. Walau bagaimanapun, kesemua cadangan sultan ditolak beliau kecuali tawaran berkahwin dengan Tun Kudu iaitu isteri kesayangan baginda. Hal ini dapat digambarkan menerusi petikan berikut:

“Mohon patik tuanku.” Maka berapa orang anak Orang Besar-besar ditawarkan oleh Sultan Muzaffar Syah, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah baginda, “Maukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu?” Maka sembah Seri Nara Diraja, “Daulat tuanku.”

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 93)

Ekoran daripada itu, Sultan Muzaffar Syah telah berkorban dengan menawarkan isterinya Tun Kudu kepada Seri Nara Diraja. Sebaik sahaja, Seri Nara Diraja menyatakan persetujuan, sultan dengan segera bertindak menceraikan isterinya. Selepas edah, Tun Kudu pun dinikahkan dengan Seri Nara Diraja. Walaupun jodoh sultan dengan Tun Kudu tidak panjang, namun hasil daripada kebijaksanaan baginda menangani kemelut antara kedua-dua

pembesar telah menyebabkan hubungan Tun Perak dan Seri Nara Diraja kembali pulih. Bukan itu sahaja, Tun Perak telah dilantik sebagai Bendahara Melaka, manakala Seri Nara Diraja pula dilantik sebagai penghulu Bendahari.

Sebagai wanita yang masih muda, Tun Kudu turut menanggung kesedihan akibat diceraikan suami namun demi menjaga kepentingan negeri Melaka, beliau sanggup berkahwin dengan Seri Nara Diraja yang sudah tua. Dalam konteks ini, pengarang istana seolah-olah telah menyekat suara golongan wanita untuk mempertahankan institusi perkahwinan yang dibina bahkan menjadi watak Tun Kudu sebagai wanita yang berfungsi sebagai penyelamat kepada pentadbiran negara. Oleh sebab itu, Tun Kudu tidak mempunyai pilihan lain kerana jodohnya telah terserah kepada ketentuan kuasa di pihak lelaki, lebih-lebih lagi keputusan tersebut terikat atas titah sultan. Ternyata, jodoh dan pertemuan itu ketentuan Allah s.w.t kerana walaupun pada peringkat awal Tun Kudu berkahwin dengan sultan, namun ditakdirkan beliau untuk bercerai dan bertemu dengan insan lain sekaligus 'jodoh kedua' Tun Kudu berjaya merapatkan semula ukhwah serta meredakan konflik yang berlaku antara kedua-dua pembesar tersebut.

Begitu juga dengan peristiwa perkahwinan puteri Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah iaitu Raja Fatimah dengan Raja Omar yang diatur oleh Raja Mansur Syah. Majlis perkahwinan kedua-dua mempelai berlangsung dalam suasana meriah selama 40 hari 40 malam. Hasil perkahwinan tersebut, baginda dikurniakan seorang putera yang bernama Raja Abdul Jalil. Namun begitu, perkahwinan Raja Omar dengan bonda Raja Mangsur tidak panjang kerana selepas kemangkatan Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah, Raja Omar telah menceraikan isterinya itu dan perkara itu diketahui oleh Seri Nara Diraja. Takdir Allah s.w.t mengatasi segalanya kerana Sultan Muzaffar iaitu kakanda Raja Fatimah dikatakan telah telah terpikat dengan bonda Raja Mangsur (janda Raja Omar) dan mengahwininya secara rahsia. Peristiwa ini jelas digambarkan dalam episod "Nikah Dalam Sunyi."

Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Jikalau dalam sunyi maulah hamba, kalau hamba ditampak Raja Omar, dia bencikan isterinya itu, dengan perbuatan hamba, itulah yang hamba malukan.”

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 305)

Hasil perkahwinan Sultan Muzaffar dengan bonda Raja Mangsur dikurniakan seorang putera lelaki yang bernama Raja Abdullah. Walaupun perkahwinan kedua-dua raja ini menimbulkan konflik semasa perlantikan pewaris takhta, namun jelas menunjukkan bahawa jodoh yang dirancang boleh berubah dengan kehendak Allah s.w.t. Hukum syarak membolehkan seseorang individu itu menikah lagi setelah isteri atau suami meninggal atau bercerai hidup. Hal ini jelas disebut dalam al-Quran bahawa:

Orang-orang yang meninggal dunia di antaramu dengan meninggalkan isteri-isteri (hendaklah para isteri itu) menangguhkan dirinya (beridah) empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis idahnya, maka tiada dosa bagimu (para wali) membiarkan mereka berbuat terhadap diri mereka menurut yang patut. Allah mengetahui apa yang kamu perbuat.

(*Surah al-Baqarah*: 234)

Ayat tersebut jelas menyebut bahawa wanita yang kematian atau diceraikan suaminya boleh untuk menikah lagi dan boleh juga baginya untuk tidak menikah lagi. Hal ini membuktikan bahawa jodoh bukan ketetapan mutlak dari Allah s.w.t kerana sifatnya pilihan bergantung kepada usaha manusia. Tidak menjadi kesalahan bagi seorang wanita untuk memilih jodohnya kerana wanita tersebut berhak untuk membuat pilihan terbaik untuk pasangan jodohnya kelak.

Hidayah

Sebagai umat Islam sewajarnya mengabdikan diri hanya kepada Allah s.w.t. Umat Islam yang patuh kepada perintah Allah wajib meyakini kasih sayang Allah s.w.t yang sentiasa melindungi kehidupan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap musibah yang berlaku akan menyerlahkan sejauh mana keimanan hati seorang Muslim itu di sisi Allah. Sebagai contoh peristiwa pengislaman Raja Kecil Besar berlaku setelah baginda ditimpa pelbagai musibah. Pengarang istana mencitrakan pengislaman seseorang raja itu berlaku dengan cara yang lebih istimewa berbanding rakyat jelata. Pengislaman raja ini dikatakan berlaku secara langsung dari Mekah dalam mimpi. Dalam mimpi tersebut, golongan pemerintah dikatakan bertemu dengan tokoh-tokoh Islam dan beberapa orang wali yang mempunyai hubungan dengan penyebaran Islam di Melaka. Keistimewaan ini pula muncul berikutan sifat sosial dan politik raja itu yang sememangnya mempunyai taraf yang tinggi dalam masyarakat.

..., maka baginda bermimpi pada suatu malam, berpandangan dengan keelokan hadrat nabi mustaffa Rasulullah *salla'llahu 'alaihi wa salam*. Maka sabda Rasulullah pada Raja Kecil Besar, “Ucap olehmu: *Asyhadu alla ilaha I'l Allah wa asyhadu anna Muhammad -ar-rasulullah.*” Maka oleh Raja Kecil Besar seperti sabda Rasulullah *salla'llahu 'alaihi wa salam* itu diturutnya. Maka sabda Rasulullah kepada Raja Kecil, “Adapun namamu Sultan Muhammad Syah. Esok hari apabila asar matahari, datanglah sebuah kapal dari Jeddah, turun orangnya sembahyang di pantai Melaka ini, hendaklah engkau ikut barang katanya.” Maka sembah Raja Kecil Besar “Baiklah tuanku, yang mana sabda junjungan itu tiada hamba lalui.” Maka nabi *salla 'llahu 'alaihi wasalam* pun ghaiblah.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 72)

Berdasarkan petikan ini, jelas sekali bahawa Tun Seri Lanang meletakkan takdir dan kedudukan raja sebagai khalifah Allah s.w.t di muka bumi setaraf dengan Nabi Muhammad s.a.w. Kedudukan raja di tingkat yang paling tinggi menepati konsep “bayang-bayang Illahi di muka bumi.” Raja tetap merupakan insan terpilih kerana mempunyai sifat-sifat kelebihan yang dikurniakan Allah s.w.t berbanding rakyat biasa. Keyakinan yang muncul melalui Hinduisme tentang kedudukan raja dalam masyarakat diperkukuhkan lagi apabila konsep baharu diperkenalkan iaitu sultan yang mempunyai kedudukan yang sama seperti raja tetapi lebih mulia disisi Allah s.w.t.

Kehebatan raja menerima Islam daripada Rasulullah s.a.w secara langsung telah mengubah corak pemerintahan raja yang lebih bersifat *Zillahu Fil-Alam Fil-Ard*. Konsep raja berkait rapat dengan keagamaan dengan tujuan untuk memperkukuhkan kepercayaan rakyat terhadap kebesaran dan kemuliaan raja. Jadi, pengislaman raja Melaka secara terus daripada Rasulullah tanpa perantaraan melambangkan hanya orang mulia sahaja berupaya menemui Rasulullah dalam mimpi dan golongan raja ini turut dikiasikan sebagai bayangan Allah sekaligus berperanan memberi perlindungan kepada rakyatnya.

Takdir Buruk: Kifarah

Kifarah merupakan salah bentuk musibah yang berlaku kepada orang yang baik tetapi terlanjur melakukan kekhilafan kerana kelalaian dan tidak mampu melawan hawa nafsu. Musibah ini yang diturunkan berfungsi sebagai "tebusan" untuk menghapuskan dosa dan ketelanjangan. Setiap musibah yang menimpa seseorang individu itu semasa di dunia oleh Allah s.w.t adalah sebagai balasan kesalahan individu tersebut bagi melepaskan diri hamba-Nya daripada menerima pembalasan di akhirat kelak.

Teks *Sulalatus Salatin* turut mengupas persoalan ini menerusi episod “*Singapura Dilanggar Todak*” yang mengisahkan tentang pembunuhan seorang ulama dari Pasai iaitu Tuan Jana Khatib. Semasa pemerintahan Paduka Seri Maharaja, beliau telah

berkunjung ke Singapura. Pada suatu hari, ketika berjalan-jalan di Pekan Singapura dan lalu di hadapan istana, beliau telah terpandang wajah permaisuri di pintu peranginan. Sebagai seorang sufi yang mahir dalam ilmu khayal yang dimiliki, beliau telah menguji kehebatannya dengan menilik pohon pinang sehingga terbelah dua. Perbuatan ini jika ditafsir secara tersurat seolah-olah mencitrakan Tuan Jana Khatib ingin menunjuk-nunjuk kehebatan ilmu beliau di hadapan permaisuri sekaligus mengundang kemurkaan Paduka Maharaja.

Sebaik sahaja Tuan Jana Khatib diarahkan bunuh oleh Seri Paduka Maharaja, maka berlakulah beberapa peristiwa luar biasa yang menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang ulama bertaraf wali. Sebagai contoh, dikatakan darah beliau yang menitik di bumi Singapura dikatakan menjadi batu setelah ditutup oleh seorang perempuan yang membuat bikang dan perempuan yang menutup aibnya itu pula telah menjadi kaya raya. Tubuh Tuan Jana Khatib juga dikatakan ghaib di Langkawi. Kekuasaan Allah s.w.t menunjukkan pelbagai kejadian pelik yang berlaku ke atas jasad Tuan Jana Khatib membuktikan bahawa niatnya yang murni telah disalah tafsirkan oleh Seri Paduka Maharaja. Peristiwa aneh yang berlaku terhadap Tuan Jana Khatib telah menjadi bualan rakyat sehinggakan dibuatkan orang serangkap pantun:

Telur itik dari Singgora, Pandan tersandar di batang tui;
Darahnya titik di Singapura, Badan terhantar di Lengkwai.

(Sulalatus Salatin, 2014: 68)

Hal ini dikatakan demikian kerana kemungkinan perbuatan Tuan Jana Khatib yang merenung pohon pinang mempunyai maksud tertentu sebagai salah satu cara beliau untuk berdakwah. Pertamanya, kemungkinan benar beliau ingin menunjukkan ketinggian ilmu yang dipelajari atau yang kedua, mungkin juga merupakan salah satu kaedah beliau menjalankan tanggungjawabnya bagi menarik perhatian rakyat Singapura untuk mendalami ilmu agama. Berdasarkan peristiwa yang berlaku,

pengarang istana cuba menjelaskan bahawa walaupun seseorang itu merupakan individu yang kuat pegangan agamanya sehingga diangkat sebagai taraf wali tetap tidak terlepas daripada ujian-ujian Allah s.w.t sebagai peringatan dan tarbiah kepada masyarakat untuk terus bertakwa kepada Allah Yang Maha Esa.

Bala

Bala merupakan suatu bentuk ujian yang dikenakan kepada individu jahat yang melakukan kejahatan. Bala yang berlaku ini merupakan satu bentuk hukuman di dunia sebelum individu tersebut dihukum dengan lebih berat di akhirat. Pendek kata, individu berkenaan akan menerima seksaan pertama semasa di dunia, manakala seksaan kedua semasa di akhirat.

Sebagai contoh, umat Nabi Nuh yang ditenggelami banjir, kisah Firaun ditenggelamkan dalam lautan merah dan banyak lagi kisah-kisah agama akibat daripada perbuatan zalim mereka. Hal ini jelas terkandung dalam petikan ayat Quran yang bermaksud; dan jika mereka berpaling, nescaya Allah akan mengazab mereka dengan azab yang pedih di dunia dan di akhirat" (Surah *at-Taubah*: 74).

Konsep bala ini dapat dilihat menerusi peristiwa pembunuhan Tuan Jana Khatib akibat buruk sangka Paduka Seri Maharaja terhadap seorang ulama Pasai. Tindakan yang dibuat oleh baginda merupakan keputusan yang terburu-buru kerana baginda tidak menggunakan pertimbangan rasional dan terlalu mengikut emosi. Tidak lama peristiwa pembunuhan Tuan Jana Khatib, Singapura telah menerima bencana serangan todak. Rakyat menjadi mangsa serangan todak kerana baginda telah menitahkan rakyatnya berkotakan betis.

Maka baginda pun menitahkan orang berkotakan betis, maka dilompati oleh todak itu, terus berkancing ke sebelah. Adapun todak itu seperti hujan, usahkan kurang, makin banyak orang mati.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 68)

Kemunculan seorang budak pintar yang mencadangkan agar rakyat menggunakan batang pisang untuk menangani serangan todak telah menimbulkan rasa cemburu dalam kalangan pembesar. Akibat terpengaruh dengan hasutan para pembesar, Paduka Seri Maharaja sekali lagi melakukan kezaliman dengan mengarahkan budak tersebut dibunuh kerana bimbang kedudukannya sebagai pemerintah tergugat apabila budak itu meningkat dewasa kelak.

“...Sedangkan ia lagi budak sekian ada akal nya, jikalau sudah ia besar betapa lagi? Baiklah ia kita bunuh, tuanku.” Maka titah raja, “Benarlah bagai katat uan hamba sekalian itu, bunuhlah ia!”

(Sulalatus Salatin, 2014: 69)

Sebaik sahaja Paduka Seri Maharaja mangkat, Raja Iskandar menggantikan pemerintahan ayahandanya. Sikap buruk Paduka Seri Maharaja turut menjadi ikutan anakandanya Raja Iskandar Syah. Hasutan fitnah menjadi punca Raja Iskandar Syah bertindak membunuh gundik kesayangan baginda iaitu anak Sang Rajuna Tapa (bendahari Singapura).

Maka oleh gundik-gundik yang lain difitnahkan berbuat jahat. Maka Raja Iskandar Syah pun terlalu sangat murka, lalu disuruh baginda percanggai di hujung pasar.

(Sulalatus Salatin, 2014: 69)

Perbuatan Raja Iskandar Syah menjatuhkan hukuman tanpa usul periksa serta mengaibkan itu menyebabkan Sang Rajuna Tapa berasa amat malu. Tanpa berfikir panjang Sang Rajuna Tapa telah mengutus surat kepada Betara Majapahit dan menyatakan niatnya yang mahu belot dalam negeri. Ibarat orang mengantuk disorongkan bantal, Betara Majapahit telah mengarahkan rakyatnya bersiap siaga untuk menyerang Singapura.

Sikap negatif antara kedua-dua pihak ini, ternyata telah melanggar waad yang dibuat antara Demang Lebar Daun dengan Seri Teri Buana pada peringkat awal. Walaupun semasa waad dibuat budaya Hindu masih mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu tradisi namun perbuatan menzalimi orang lain sangat dilarang dalam apa-apa agama sekali pun. Dari sudut agama Islam, membuat kezaliman terhadap orang lain juga boleh mendatangkan kemurkaan Allah s.w.t. Jika raja telah melakukan kezaliman kepada rakyat, maka raja itu perlu mengundurkan diri daripada menjadi pemerintah dalam negeri tersebut. Pengunduran raja amat penting bagi mengelakkan berlakunya kekecohan dan peperangan dalam negeri tersebut. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi episod "*Raja Iskandar Berlepas ke Darat.*"

Maka raja dengan segala para menteri hulubalang, sida-sida bentara sekalian pun berlepaslah dibawa rakyat ke Seletar

(Sulalatus Salatin, 2014: 70)

Sebaik sahaja Raja Iskandar berundur dari Singapura, maka Majapahit pun beroleh kemenangan. Namun begitu, golongan rakyat yang menderhaka kepada raja juga tidak terlepas daripada menerima hukuman dari Allah s.w.t. Peristiwa ini jelas digambarkan seperti berikut:

Adapun akan Sang Rajuna Tapa, dengan takdir Allah Taala menunjukkan kuasa-Nya, itu berbalik, jatuh ke parit, kaki tiangnya ke atas dan bumbungnya ke bawah; Sang Rajuna Tapa pun jatuh tersungkur di tengah parit itu, laki bini menjadi batu; ada datang sekarang dengan beras itu.

(Sulalatus Salatin, 2014: 70)

Menerusi petikan ini, pengarang istana secara halus mengungkapkan bahawa rakyat yang melakukan penderhakaan kepada raja, akan menerima padahnya seperti Allah s.w.t akan

membalikkan rumahnya, bumbungnya ke bawah manakala tiang rumah ke atas. Berdasarkan kedua-dua peristiwa yang diketengahkan, jelas menunjukkan bahawa perbuatan menzalimi antara satu sama lain amat dilarang dalam agama Islam. Allah s.w.t tidak pernah menzalimi hamba-Nya melainkan manusia itulah yang menzalimi diri sendiri seperti firman-Nya:

Sesungguhnya Allah tidak berbuat zalim kepada manusia sedikitpun, akan tetapi manusia itulah yang berbuat zalim kepada diri mereka sendiri.

(Surah Yunus: 44)

Perbuatan zalim merupakan perbuatan yang dilarang oleh Allah s.w.t dan termasuk dalam salah satu dosa-dosa besar. Manusia yang berbuat zalim akan mendapat balasan di dunia dan siksa di akhirat. Oleh itu, setiap individu harus mengetahui pelbagai bentuk zalim yang mengotori hati seperti dengki, fitnah, mengadu domba, dusta, ujub dan sebagainya sebagai langkah menghindari daripada memiliki sifat-sifat keji tersebut.

Ibtila'

Ibtila' merupakan musibah yang dikenakan kepada orang baik ketika melakukan kebaikan sebagai tanda kasih sayang Allah s.w.t kepada hamba-Nya yang taat. Dengan ibtilla' seseorang hamba itu akan mendapat ganjaran yang berganda dan ditinggikan darjatnya di sisi Allah. Dengan musibah, mereka memperoleh pahala syahid, pahala sabar, pahala reda dan lain-lain. Tamsilnya, ibtilla' telah ditimpakan ke atas para rasul Ulul Azmi, syuhada dan para solehin. Hal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t iaitu:

...berapa banyak golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang ramai, dengan izin Allah dan Allah bersama orang-orang yang sabar".

(Surah *al-Baqarah*: 249)

Persoalan ibtila' turut terkandung dalam teks *Sulalatus Salatin*. Dalam konteks pemerintahan feudal, raja memiliki kuasa mutlak. Golongan rakyat akan memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi watak dan perwatakan Tun Perak yang memegang jawatan sebagai penghulu Kelang. Jasa dan bakti Tun Perak terserlah sewaktu angkatan Siam menyerang Melaka. Kejayaan beliau menyekat kemaraan Siam ke Melaka tanpa pertumpahan darah telah mendapat pengiktirafan daripada Sultan Muzaffar Syah yang melantiknya sebagai Paduka Raja. Jika mengikut adat dan peraturan Melaka, Tun Perak sepatutnya menjawat jawatan Bendahara Melaka bagai menggantikan jawatan ayahandanya Bendahara Seri Wak Raja yang mati kerana minum racun akibat tersalah sangka sultan murka kepadanya. Tambahan pula, pada ketika itu Seri Nara Diraja sangat berpengaruh dan dilantik memegang jawatan sebagai Bendahara dengan gelaran Seri Nara Diraja Tun Ali.

Ujian yang menimpa ayahandanya telah menyebabkan Tun Perak membawa diri ke Kelang. Beliau bukan sahaja tidak pernah berkecil hati dengan pelbagai ujian yang berlaku malah menganggap peristiwa tersebut sebagai satu cabaran kepada diri dan keluarganya. Sebagai seorang anak pembesar, jiwa kepimpinan tetap mengalir dalam dirinya. Takdir yang menimpa keluarganya bukanlah alasan untuk beliau terus berbakti kepada kerajaan Melaka.

Adapun Tun Perak tiada kena kerja raja, ia pergi duduk di Kelang beristeri di sana. Hatta berapa lamanya, maka orang Kelang pun menolak penghulunya, maka sekaliannya mengadap ke Melaka, hendak mohonkan Penghulu yang lain. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, Siapa pula kamu kehendaki akan jadi penghulu kamu itu?" Maka sembah orang Kelang, "Tuanku, jika ada ampuni duli Yang Maha Mulia, Tun Peraklah patik sekalian pohonkan akan jadi penghulu patik

sekalian.” Maka Tun Peraklah jadi penghulu orang Kelang itu.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 88)

Selain itu, ibtila’ ini juga dapat dihubungkan dengan wasiat yang ditinggalkan oleh raja dan para pembesar. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010: 1803) mendefinisikan wasiat sebagai pesan terakhir yang disampaikan oleh orang yang hampir meninggal. Misalnya, wasiat yang ditinggalkan oleh Sultan Mansur Syah kepada anakandanya Raja Ahmad dan Raja Hussain sarat dengan pelbagai amanat. Antaranya baginda berpesan kepada anakandanya supaya sentiasa berbuat adil dan saksama serta tidak mengambil hak orang lain, bantulah rakyat yang benar-benar memerlukan pertolongan, jika terdapat rakyat yang teraniaya hendaklah diselidiki terlebih dahulu dan yang terakhir, baginda berharap anakandanya sentiasalah bermuafakat dengan para pembesar untuk mencapai kata putus (*Sulalatus Salatin*, 2014: 172). Baginda turut mengibaratkan hubungan raja dengan rakyat itu seperti:

...rakyat itu umpama akar, dan raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri. Demikianlah raja itu dengan segala rakyatnya.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 172)

Sebaik sahaja Sultan Mansur Syah mangkat, maka Raja Hussain pun ditabalkan sebagai pengganti baginda dengan gelaran Sultan Alau’d-Din Riayat Syah. Baginda merupakan pemerintah yang adil, bertanggungjawab dan berjiwa rakyat. Namun begitu, ditakdirkan pada suatu ketika, pemerintahan baginda diuji dengan kes-kes kecurian yang semakin membimbangkan rakyatnya. Kesungguhan untuk mengatasi masalah tersebut telah mendorong baginda untuk menyamar sebagai rakyat biasa. Akhlak terpuji baginda dalam menjaga kesejahteraan rakyat amatlah disarankan

dalam Islam. Berikut merupakan contoh perlakuan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah yang wajar diikuti:

Setelah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah mendengar pencuri terlalu ganas itu, maka baginda pun terlalu masyghul, setelah hari malam, maka baginda pun memakai cara pakaian si pencuri. Maka baginda pun memakai cara pakaian si pencuri. Maka baginda berjalan menyamar, tiada membawa teman; hanya Hang Isap dibawa baginda beserta pergi itu.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 173)

Berkat daripada kesungguhan baginda menangani masalah kecurian tersebut, negeri Melaka kembali aman. Setelah kejadian tersebut, baginda turut mengarahkan pembinaan balai di simpang empat di tengah negeri bagi membolehkan orang ramai yang menjumpai barang-barang curi diletakkan di situ serta memudahkan urusan tuan punya harta mengambil semula barangan tersebut. Hikmah daripada kejadian tersebut, keadaan di Melaka kembali aman berada di bawah pentadbiran Sultan Alau'd-Din Riayat Syah yang bertanggungjawab, amanah, adil dan saksama.

Ketika Sultan Alau'd-Din Riayat Syah gering, baginda turut berwasiat khusus kepada anakandanya Raja Mamad (Raja Melaka terakhir yang menggunakan gelaran Sultan Mahmud Syah) tentang tanggungjawab sebagai pemerintah.

...maka titah baginda, "Hei anakku, adapun engkau hendaklah banyak-banyak sabar, dan ampunmu akan segala hamba sahayamu, dan baik-baik memelihara akan dia; kerana firman Allah Taala *Inna'llahu ma'as sabirin*, yakni bahawa Allah Taala serta pada segala yang sabar. Dan jikalau datang dua

pekerjaan, suatu pekerjaan Allah, dan suatu pekerjaan dunia, maka dahulukan olehmu pekerjaan Allah daripada pekerjaan dunia.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 186)

Begitu juga dengan wasiat yang ditinggalkan oleh Bendahara Paduka Raja kepada anak cucunya yang dapat dilihat dalam episod "*Wasiat Bendahara Paduka Raja*:"

...bahawa raja-raja yang adil itu dengan nabi *salla'l lahu 'alaihi wasalam*, umpama dua buah permata pada permata pada sebetuk cincin; lagi pula raja itu umpama ganti Allah dalam Allah dalam dunia, kerana ia *zillu'llah fil'alam*.

(*Sulalatus Salatin*, 2014: 190)

Berdasarkan contoh-contoh peristiwa yang diketengahkan, dapatlah diperhalusi betapa setiap ujian dan dugaan setiap watak yang ditampilkan oleh pengarang istana mempunyai mesej tersendiri iaitu Islam menggalakkan penganutnya sering melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Allah akan menguji setiap umat-Nya dalam pelbagai bentuk dan cara. Setiap kesusahan, kesedihan, sakit mahupun hilangnya harta merupakan salah satu cabaran yang diberi sebagai tanda kasih sayangnya kepada hamba-hamba-Nya untuk memupuk sifat sabar dan reda. Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa kunci daripada wasiat-wasiat itu ialah taat kepada Allah, kepada Rasul dan kepada raja. Sebagai pemerintah haruslah berlaku adil, memelihara hawa nafsu dan menjaga kesejahteraan rakyatnya, manakala golongan rakyat pula haruslah menumpahkan taat setia tidak berbelah bahagi kepada rajanya agar pentadbiran negara berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

KESIMPULAN

Setiap takdir buruk yang berlaku ada hikmah yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. Sehubungan itu, setiap umat Islam perlu yakin bahawa Allah s.w.t sebaik-baik perancang dan pelaksana terhadap nasib manusia sama ada di dunia mahupun di akhirat supaya umat-Nya dapat membina sikap positif dan dinamik dalam mengharungi cabaran dan perjuangan hidup di dunia. Takdir yang berlaku adalah ketentuan Allah s.w.t, namun sebagai insan haruslah tidak berhenti memohon dan berdoa kepada-Nya agar sentiasa dalam perlindungan Allah s.w.t. Walaupun doa boleh mengubah qada' makhluk tetapi tidak mengubah qada' mubram. Oleh itu, setiap umat Islam digalakkan berdoa kerana faedahnya ialah kita akan memperoleh kasih sayang Allah s.w.t.

Jika dilihat dalam pengkajian teks ini, didapati bahawa setiap takdir yang berlaku amat dipengaruhi oleh sikap watak dan perwatakan yang dilukiskan oleh pengarang istana. Bangun dan jatuhnya sesebuah negara bergantung kepada corak pentadbiran seseorang pemerintah. Jika seseorang pemerintah itu amanah, adil dan saksama, bertanggungjawab serta sentiasa menjaga kesejahteraan rakyat, maka pentadbiran negaranya aman dan damai sehingga menyebabkan negerinya terkenal di peringkat global. Sebaliknya, jika seseorang pemerintah itu zalim, mengikut hawa nafsu, terpengaruh dengan hasutan fitnah, membiarkan rasuah berleluasa, maka sudah tentulah negara tersebut bersedia untuk mengalami krisis kejatuhan. Kejatuhan Melaka yang berpunca daripada kemelut dalaman dan luaran dalam kalangan pemerintah telah meninggalkan stigma besar dalam sistem pentadbiran kesultanan Melayu Melaka. Kerakusan nafsu dan sikap mementingkan diri sendiri golongan pemerintah, akhirnya meranapkan kegemilangan ketamadunan Melaka.

Tanggungjawab pengarang istana dalam mengupas isu ini sangatlah berat kerana masih terikat dengan kesetiaan kepada raja yang memerintah. Tambahan pula, tanggungjawab yang digalas untuk menghasilkan sebuah karya adab menyebabkan pengarang istana itu perlu memerihalkan segala kebaikan raja-raja Melayu

untuk menjaga imej ketuanannya. Segala teguran tentang perilaku raja yang tidak wajar dicontohi perlu dicitrakan secara berkias dan halus dengan menggunakan keintelektualannya supaya dapat dijadikan pengajaran kelak. Tanggungjawab yang paling dominan seorang pengarang istana ialah memperbaiki di mana disangkanya salah, menambah di mana dianggapnya kurang dan mengurangkannya di mana dianggapnya lebih, relevan dengan faktor persekitaran masyarakat sezaman.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Nur. (1981). *Percaya Kepada Takdir Membawa Kemajuan atau Kemunduran*. Singapura: Solo Enterprises
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. (2006). *Sejarah dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Ali Ahmad (2002). Takdir di Dalam Kesusasteraan Melayu Lama dan Baharu. Dlm. Lalita Sinha (peny.), *Tradisi dan Modeniti*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad Su'udi. (2011). *Takdir Baik*. Kuala Lumpur: S.A Majeed & Co. Sdn. Bhd.
- A.Samad Ahmad (peny.)(2014). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Yahya. (2004). *Keabadian Masa dan Hakikat Takdir*. Saba Islamic Media Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (1993) `Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air`. Dlm. *Dewan Sastera*. 52-56.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Thalib. (1981). *Pandangan Para Ahli Pikir Tentang Taqdir & Ikhtiar*. Singapura: Alharamain PTE. LTD.
- Pahrol Mohamad Juoi, (2008). *Dilema Melayu – Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

- Terjemahan Al-Quran Al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu.* (2017). Kuala Lumpur: Al-Hidayah House Of Quran Sdn. Bhd.
- Umar Junus. ((1984). *Sejarah Melayu: Menemukan Diri kembali.* Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Za'aba. (1964). *Rencana Tawarikh sumbangan Sir R.Winstedt dlm. Penyelidikan Pengajian Melayu Malayan and Indonesian Studies* (ed.). J.Bastin and R.Roolvink, Oxford University Pres London. 333
- Za'aba. (1980). *Falsafah Takdir.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'aba. (2016). *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.